



6 PLANET MUNCUL SEDERET DI CAKERAWALA

Pada awal pagi sebelum Matahari terbit pada **3 Jun 2024**, enam (6) planet di dalam Sistem Suria iaitu **Utarid, Marikh, Musytari, Zuhal, Uranus dan Neptun** kelihatan 'seakan-akan' membentuk garisan lurus atau dikenali sebagai penjajaran planet (*Planetary Parade*) di langit timur.

Kredit:

<https://www.mysa.gov.my/6-planet-muncul-sederet-di-cakerawala/>

Dari perspektif pemerhati di Bumi, formasi keenam-enam planet kelihatan begitu mempesonakan seakan-akan membentuk satu formasi dalam garisan lurus di langit timur. Mengulas mengenainya, Pegawai Penyelidik Bahagian Eksplorasi dan Sains Angkasa (BES) Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Lau Chen Chen, berkata sebenarnya semua planet itu adalah tidak sejajar jika dilihat dari angkasa. Katanya, penjajaran planet berlaku apabila sekurang-kurangnya tiga planet kelihatan berada dalam satu garisan di langit. Dari sudut ahli dan peminat astronomi, ia tidak asing lagi kerana ia sudah diketahui lama oleh tamadun manusia sejak dahulu lagi. "Penjajaran planet boleh berlaku pada setiap tahun dengan jumlah dan kombinasi planet yang berbeza." Namun, fenomena ini tidak memberikan apa-apa kesan kepada Bumi kerana ia hanyalah fenomena optikal, "katanya yang berpendapat situasi itu tetap dapat menarik perhatian masyarakat dunia yang dianggap mengagumkan.

Fenomena dapat dilihat bergantung kepada cuaca

Pada kali ini, Chen Chen berkata, fenomena penjajaran planet hanya membabitkan empat planet iaitu Utarid, Marikh, Musytari dan Zuhal dapat ditonton dengan mudah serta jelas dengan mata kasar. Tetapi tidak untuk planet Uranus dan Neptun jika ingin melihat fenomena itu perlu menggunakan alat bantu optik seperti binokular serta teleskop kerana objeknya nampak terlalu kecil. Bagaimanapun, katanya penampakan planet itu amat bergantung kepada keadaan cuaca semasa.